BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 07/09/13

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Jumaat, 31 Julai 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Jun 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Kadar pinjaman purata stabil pada 5.04% pada akhir Jun.

- Inflasi menurun kepada -1.4% pada bulan Jun (Mei: + 2.4%), mencerminkan terutamanya kesan asas yang tinggi akibat kenaikan paras harga yang ketara pada Jun 2008 berikutan pelarasan harga bahan api.

- Pembiayaan kasar meningkat pada asas bulanan disebabkan terutamanya oleh penambahan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan pada bulan Jun.

- Sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing stabil pada 14% dan 12.3%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 07/09/13

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Jumaat, 31 Julai 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Jun 2009

Pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM60.7 bilion pada bulan Jun (Mei: RM53.7 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran pinjaman. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 8.0% pada akhir Jun (Mei: 9.1%). Penunjuk pinjaman utama, iaitu permohonan, kelulusan, pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman, bagi sektor perniagaan dan isi rumah telah menunjukkan peningkatan.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, manakala kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) benar menjadi positif kerana inflasi yang negatif. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Jun, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) stabil pada 5.04% pada akhir Jun (masing-masing 5.13% dan 5.02% pada April dan Mei).

Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada tempoh 1 Jun hingga 30 Julai 2009. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-3.4%), yen Jepun (-2.4%) dan euro (-1.4%). Ringgit juga menyusut nilai antara 0.9% dengan 4.2% berbanding dengan mata wang serantau lain.

Inflasi menurun kepada -1.4% pada bulan Jun (Mei: + 2.4%), mencerminkan terutamanya kesan asas yang tinggi akibat kenaikan paras harga yang ketara pada Jun 2008 berikutan pelarasan harga bahan api. Harga dalam kategori *pengangkutan* menurun dengan ketara sebanyak 18.0% (Mei: -2.5%, Jun 2008: 19.6%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* yang menjadi lebih sederhana kepada 3.4% pada Jun (Mei: 5.2%) juga menyumbang kepada penurunan harga secara keseluruhan pada bulan tersebut. Satu lagi faktor penyumbang ialah kejatuhan harga bagi kategori *pakaian dan kasut* sebanyak 1.1% pada bulan Jun (Mei: -0.7%).

Wang secara luas (M3) meningkat pada kadar tahunan yang lebih pantas, iaitu 5.8% pada bulan Jun 2009 disebabkan pengembangan kredit. Ini termasuk pembiayaan yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta dan Kerajaan.

Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14% dan 12.3%. Kualiti pinjaman terus tinggi dengan nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih kekal pada 2.2% sejak akhir tahun 2008.

Kadar FD benar menjadi positif pada bulan Jun

Pada tempoh 1 Jun hingga 30 Julai, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil, 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan Jun hingga Julai. Pada 15 Julai, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.02% hingga 2.52%. Kadar FD benar menjadi positif disebabkan inflasi yang negatif pada bulan Jun.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Julai, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) stabil pada 5.04% pada akhir Jun (masing-masing 5.13% dan 5.02% pada April dan Mei).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil



BNM terus menyerap mudah tunai lebihan



BLR bank perdagangan tidak berubah, manakala ALR secara relatif stabil



**Data-data tersebut telah disemak tanpa memasukkan data deposit dan pinjaman yang di tempatkan antata institusi perbankan*

Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit menurun pada bulan Jun, memandangkan penambahan deposit mengatasi pertumbuhan pinjaman

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mei 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52
Jun 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52
08 Jul 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52

Kadar FD purata secara relatif tidak berubah antara Mei hingga 8 Julai

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD benar menjadi positif berikutan inflasi yang negatif

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada tempoh 1 Jun hingga 30 Julai 2009. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-3.4%), yen Jepun (-2.4%) dan euro (-1.4%). Ringgit juga menyusut nilai antara 0.9% dengan 4.2% berbanding dengan mata wang serantau lain.



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama



Ringgit juga secara amnya menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Mei 09	Jun 09	30 Jul 09	Akhir Dis 08 - 30 Jul 09	Akhir Mei 09 - 30 Jul 09
Dolar AS	3.4640	3.5075	3.5225	3.5400	-2.1	-0.9
Euro	4.8759	4.9047	4.9699	4.9756	-2.0	-1.4
Paun sterling	4.9989	5.5995	5.8592	5.7975	-13.8	-3.4
100 yen Jepun	3.8327	3.6415	3.6729	3.7314	2.7	-2.4
Dolar Singapura	2.4070	2.4182	2.4302	2.4475	-1.7	-1.2
100 baht Thailand	9.9398	10.202	10.354	10.392	-4.4	-1.8
100 peso Filipina	7.2774	7.3850	7.3111	7.3520	-1.0	0.4
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0339	0.0345	0.0354	-10.7	-4.2
100 won Korea	0.2750	0.2783	0.2754	0.2851	-3.5	-2.4
Renminbi China	0.5076	0.5137	0.5155	0.5181	-2.0	-0.9

Inflasi menjadi negatif pada bulan Jun

Inflasi menurun kepada -1.4% pada bulan Jun (Mei: + 2.4%), mencerminkan terutamanya kesan asas yang tinggi akibat kenaikan paras harga yang ketara pada Jun 2008 berikutan pelarasan harga bahan api. Harga dalam kategori *pengangkutan* menurun dengan ketara sebanyak 18.0% (Mei: -2.5%, Jun 2008: 19.6%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* yang menjadi lebih sederhana kepada 3.4% pada Jun (Mei: 5.2%) juga menyumbang kepada penurunan harga secara keseluruhan pada bulan tersebut. Satu lagi faktor penyumbang ialah kejatuhan harga bagi kategori *pakaian dan kasut* sebanyak 1.1% pada bulan Jun (Mei: -0.7%).



Inflasi bulan Jun menurun kepada -1.4%



Penyederhanaan ketara dalam komponen pengangkutan dan makanan IHP

Harga pengeluar terus merosot pada bulan Mei

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bulan Mei terus merosot pada kadar tahunan 10.8% (April: -9.9%). Harga komponen IHPR berkaitan komoditi merosot 28.2% pada bulan tersebut (April: -26.9%). Harga komponen IHPR bukan berasaskan komoditi juga jatuh pada kadar lebih cepat, iaitu 2% (April: -1.4%). Pada asas bulanan, harga pengeluar meningkat sebanyak 0.6% pada bulan Mei.

Mengikut komposisi, komponen IHPR tempatan dan diimport mencatat penurunan harga. Berbanding dengan paras harga setahun yang lalu, harga komponen IHPR tempatan merosot sebanyak 14.4% (April:-13.0%), manakala harga komponen diimport jatuh sebanyak 3.0% (April: -3.0%).



Harga pengeluar bulan Mei merosot pada asas tahunan

M3 bulan Jun meningkat dengan lebih cepat

Pada bulan Jun, wang secara luas (M3) mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih cepat, iaitu 5.8%. Meskipun terdapat pengurangan aset asing bersih sistem perbankan, wang secara luas bertambah RM7.8 bilion pada asas bulanan disebabkan oleh pengembangan faktor dalam negeri. Ini termasuk perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi yang dibiayai melalui terbitan sekuriti Kerajaan, yang sebahagiannya diambil oleh sistem perbankan. Wang secara luas juga bertambah kerana terdapat peningkatan kredit bank kepada sektor perniagaan dan isi rumah.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 09	**Apr 09**	**Mei 09**	**Jun 09**
M3	-1.7	-1.2	-5.0	7.8
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.3	3.9	-6.5	8.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.7	2.8	-2.9	8.7
Pinjaman	*1.3*	*1.0*	*3.1*	*-2.9*
Sekuriti	*-0.6*	*0.7*	*-0.3*	*0.0*
Aset luar bersih *	1.8	-1.0	5.8	0.6
Pengaruh lain	-2.9	3.0	-13.7	3.8

* Sebelum penilaian semula
M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



M1 dan M3 mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Jun

Jumlah deposit dalam sistem perbankan meningkat sebanyak RM18.2 bilion atau 7.2% pada bulan Jun (Mei: -RM5.2 bilion, 5.6%). Penambahan deposit sebahagiannya disebabkan pembayaran perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Kerajaan pada bulan tersebut. Penambahan deposit oleh institusi kewangan adalah disebabkan terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi oleh bank dan institusi kewangan bukan bank. Jenis deposit lain, iaitu deposit sistem perbankan Islam dan deposit permintaan juga meningkat dengan ketara pada bulan itu.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 09	**Apr 09**	**Mei 09**	**Jun 09**
Kerajaan Persekutuan	-2,612	300	1,505	1,739
Kerajaan Negeri	305	847	-1,083	561
Badan Berkanun [1]	-323	2,155	-2,388	1,729
Institusi Kewangan [2]	7,251	-3,854	-3,186	13,615
Perusahaan Perniagaan	3,657	182	1,682	-2,348
Individu	1,580	-1,597	-1,674	2,012
Lain-lain [2]	-532	862	-103	841
Jumlah	9,326	-1,104	-5,247	18,150

1/ Termasuk Kerajaan tempatan
2/ Merangkumi deposit oleh institusi kewangan bukan bank dan institusi perbankan
3/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 09	**Apr 09**	**Mei 09**	**Jun 09**
Deposit tetap	-38	-6,553	2,259	-3
NID	3,769	-2,347	-1,694	7,849
Deposit permintaan	-157	1,904	-819	4,795
Deposit tabungan	736	1,832	-1,390	1,222
Perjanjian beli balik (Repo)	560	-538	-44	-26
Deposit mata wang asing	-645	3,134	716	-4,236
Deposit SPI [1]	3,170	4,722	3,704	5,906
Lain-lain [2]	1,962	-3,258	-7,978	2,642
Jumlah	9,326	-1,104	-5,247	18,150

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam
2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Penunjuk pinjaman utama bagi sektor perniagaan dan isi rumah, meningkat

Pembiayaan kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM60.7 bilion (Mei: RM53.7 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada bulan tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 8.0% pada akhir Jun (Mei: 9.1%).



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar meningkat dipacu terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi



Penunjuk pinjaman utama meningkat pada bulan Jun…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Mei-09	Jun-09	J-J 09	Mei-09	Jun-09	J-J 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	45.7	50.6	246.6	12.8	18.3	3.4
Kelulusan pinjaman	25.6	27.2	135.9	-2.3	10.2	-10.6
Pengeluaran pinjaman	47.1	54.9	302.0	-10.5	0.9	-3.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-1.3	7.6	16.2	8.9	8.3	8.3
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	22.0	25.2	116.3	9.2	16.7	-2.8
Kelulusan pinjaman	12.0	12.6	60.8	-11.1	6.4	-23.0
Pengeluaran pinjaman	29.8	38.0	203.5	-19.3	-3.7	-8.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-3.8	2.6	-2.2	5.7	3.7	3.7
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	7.6	10.1	46.4	-15.1	12.0	-10.7
Kelulusan pinjaman	4.0	3.9	20.1	-14.6	-29.2	-29.8
Pengeluaran pinjaman	10.8	12.5	69.3	-17.7	-12.5	-13.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/3/]	0.2	0.9	-6.3	-1.7	-2.9	-2.9
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	23.6	25.4	130.3	16.3	19.8	9.6
Kelulusan pinjaman	13.6	14.6	75.1	7.0	13.6	2.9
Pengeluaran pinjaman	17.3	16.9	98.4	10.0	13.2	7.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.1	3.2	14.3	8.4	8.6	8.6

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan berkembang 0.4% pada asas tahunan pada akhir Jun 2009.

...bagi sektor perniagaan dan isi rumah



Pengeluaran pinjaman adalah menyeluruh

Berbanding dengan bulan sebelumnya, kebanyakan penunjuk pinjaman menunjukkan peningkatan. Pada bulan Jun, permintaan terhadap pinjaman oleh sektor perniagaan, yang merangkumi syarikat besar dan PKS, meningkat dan mencatat pertumbuhan tahunan yang positif. Pinjaman yang dikeluarkan untuk sektor perniagaan juga bertambah, dengan sebahagian besar dana disalurkan kepada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perkilangan*; dan *borong, runcit, restoran dan hotel*. Pada akhir Jun, pinjaman perniagaan berkembang pada kadar tahunan 5.7% (akhir Mei: 3.7%).

Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan terus meningkat disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan untuk pembelian harta kediaman dan pinjaman peribadi. Namun, pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah menurun sedikit pada bulan itu. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah berkembang 8.6% pada akhir Jun (akhir Mei: 8.4%).

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus aktif

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM12.3 bilion pada bulan Jun. Sebanyak RM9.5 bilion diperoleh sektor swasta melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan 5.5 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) berjumlah RM6.6 bilion. PDS diterbitkan oleh syarikat dalam sektor kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, terutamanya untuk pembiayaan modal kerja. Pada bulan Jun, sebuah institusi kewangan bukan pemastautin menerbitkan PDS berjumlah RM1 bilion. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM2.6 bilion. Sementara itu, dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti pada bulan Jun adalah melalui dua tawaran awam awal (initial public offerings, IPO), yang merupakan penyenaraian pertama tahun ini berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik.



KLCI meningkat pada bulan Jun

KLCI meneruskan trend menaik pada bulan Jun untuk ditutup pada 1075.2 mata (akhir Mei: 1,044.1 mata). Permodalan pasaran meningkat kepada RM817.9 bilion (sejak akhir Mei: +2.5%) manakala urus niaga purata harian menjadi sederhana kepada 1,667 juta unit (Mei: 2,195 juta unit).



KLCI meningkat pada bulan Jun

Pada 6 Julai, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) menggantikan KLCI sebagai indeks tanda aras yang baharu. Di bawah FBM KLCI, bilangan syarikat yang mewakili indeks tanda aras telah dikurangkan daripada 100 kepada 30. Pada 30 Julai, FBM KLCI adalah lebih tinggi pada 1,160.7 mata (sejak akhir Jun: +7.9%). Secara keseluruhan, permodalan pasaran terus meningkat kepada RM878.1 bilion (sejak akhir Jun: +7.4%), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 990.4 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM322.8 bilion (bersamaan dengan USD91.5 bilion) pada 30 Jun 2009. Pada 15 Julai 2009, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM321.7 bilion (bersamaan dengan USD91.2 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Tahap permodalan kukuh dan pinjaman tak berbayar stabil dalam sistem perbankan

Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh seperti ditunjukkan oleh nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14% dan 12.3%. Pada Jun 2009, agregat modal asas meningkat sebanyak 1% disebabkan aktiviti pengurusan modal oleh beberapa institusi. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih terus stabil pada 2.2%, manakala nisbah agregat perlindungan kerugian pinjaman kekal tinggi pada 89.5%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Apr 09	Mei 09	Jun 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	12.3	12.3	12.3
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.2	14.2	14.0
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.2	2.2	2.2
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	16,076	15,934	15,692
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II

Penunjuk Kekukuhan Modal



Permodalan sistem perbankan terus kukuh…



…dan NPL terus rendah

Bank Negara Malaysia
31Julai 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Apr 09		Mei 09		Jun 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		53.8	-17.7	54.7	-18.8	54.7	-19.9
M1		182.6	7.4	186.2	9.3	185.6	5.5
M2		918.8	6.6	913.0	5.3	923.2	6.4
M3		948.1	6.1	943.1	4.9	951.0	5.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		984.8	6.2	979.5	5.6	997.7	7.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		736.5	10.6	735.2	8.9	742.8	8.3
Nisbah pinjaman-deposit [1] (%)		77.9		78.3		78.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1, 2] (%)		85.3		85.6		85.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		42.2	-4.5	45.7	12.8	50.6	18.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		24.2	-17.9	25.6	-2.3	27.2	10.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		51.8	-6.4	47.1	-10.5	54.9	0.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.1	-2.8	49.9	14.9	49.2	7.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.2		14.2		14.0	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.2		2.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		320.4		322.4		322.8	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		87.7		88.3		91.5	
Bilangan bulan import tertangguh		8.5		8.8		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.02 [2.02]		2.03 [2.02]		2.02 [2.02]	
	1 bulan	2.06 [2.05]		2.06 [2.06]		2.09 [2.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.02		2.02		2.02	
	3 bulan	2.04		2.04		2.05	
BLR bank perdagangan		5.53		5.53		5.53	
ALR bank perdagangan		5.11		5.02		5.04	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.5	3.0	111.7	2.4	111.8	-1.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		128.9	-9.9	129.7	-10.8	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5610		3.5075		3.5225	
Euro		4.7404		4.9047		4.9699	
Paun Sterling		5.2804		5.5995		5.8592	
100 Yen Jepun		3.6570		3.6415		3.6729	
Dolar Singapura		2.4076		2.4182		2.4302	
100 Baht Thailand		10.0907		10.2022		10.354	
100 Peso Filipina		7.3620		7.3850		7.3111	
100 Rupiah Indonesia		0.0334		0.0339		0.0345	
100 Won Korea		0.2754		0.2783		0.2754	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.5		13.7		9.5	
	swasta	15.3		2.9		2.8	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		990.7		1,044.1		1,075.2	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		754.2		797.8		817.9	

[1] Data-data tersebut telah disemak tanpa memasukkan data deposit dan pinjaman yang di tempatkan antara institusi perbankan

[2] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.